

BULETIN ICAN

UiTM NEGERI SEMBILAN
NOVEMBER 2023

**PROGRAM "UNITE FOR HUMANITY" MENGGALAKKAN
SEMANGAT GENERASI MUDA MENJADI AHLI
SUKARELAWAN**

*Siti Aishah Mohd Shafie, Noorezatty Mohd Yusop, Nuralina Azlan,
Nor Akmal Md Noh.*

**KESINAMBUNGAN KERJASAMA ERAT ANTARA UiTM
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DAN HOSPITAL PAKAR
CMH SEREMBAN BAGI PENGANJURAN PROGRAM
BERASASKAN KESIHATAN**

Siti Syaida Sirat, Ahmad Husaini Mohamed & Jamil Mohamed Sapari

**PROGRAM UiTM ALUMNI FUN RUN 2023 CAWANGAN
NEGERI SEMBILAN**

*Asmahanim Binti Haji Mohamad Yusuf, Nur Hafizah Abdul Khalid, Nur Amirah Nabihah
Zainal Abidin, Fatin Aliyah Binti Hasan, Mohd Nur Fitri Bin Mohd Salim*

eISSN 2811-3802



9 7 7 2 8 1 1 3 8 0 0 8

Program Zoo Negara Wildlife Volunteering Day

SAFLINA AZIS & NOR SYAMALIAH NGAH



Pandemik Covid 19 yang pernah menjadi satu fenomena sebelum ini telah menjadi salah satu sejarah yang tak mungkin dilupakan. Ini kerana, sehingga kini, masih banyak kesan peninggalan yang menyelubungi pelbagai pihak, termasuk Zoo Negara. Kesempitan kewangan untuk melakukan proses penyelenggaraan mengganggu operasi harian di sana. Dianggarkan Zoo Negara memerlukan RM1 juta bagi menampung perbelanjaan termasuk pembelian makanan haiwan dan kos penyelenggaraan zoo. Sehubungan dengan itu, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Seremban telah

mengambil inisiatif bagi mengurangkan beban yang dihadapi oleh pihak Zoo Negara dengan menghulurkan sumbangan tenaga bagi membantu kerja-kerja pembersihan di sana.

Pada 27 Mei 2023, Jawatankuasa Perwakilan Kolej, UiTMCNS Kampus Seremban, telah menjayakan satu program khidmat masyarakat bertempat di Zoo Negara. Program yang dikenali sebagai Wildlife Volunteering Day ini, secara ringkasnya merupakan program sukarelawan yang tertumpu khususnya kepada haiwan, untuk memberikan pelbagai impak positif kepada para mahasiswa seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran dan pengalaman menguruskan haiwan, seterusnya kemahiran meningkatkan kemahiran berkomunikasi antara satu sama lain. Program yang dianjurkan oleh pihak UiTMCNS ini merupakan salah satu usaha kelestarian untuk mewujudkan ekosistem yang mampan bagi generasi akan datang, di samping memupuk semangat sukarelawan dalam kalangan golongan muda. Para mahasiswa dapat meningkatkan pengetahuan tentang perilaku haiwan, cara pengendalian haiwan dengan betul dan juga meningkatkan kesedaran untuk menghargai kehidupan liar yang kian terancam.





Adalah diharapkan melalui program ini dapat melahirkan mahasiswa yang bukan sahaja berpendidikan malahan sentiasa bermotivasi dan bersinergi. Program ini seharusnya meningkatkan semangat kesukaralewanan di kalangan mahasiswa, di samping memantapkan kemahiran kepimpinan dan kerja berpasukan ketika merancang dan melaksanakan tugas-tugas mereka. Semoga aktiviti kemasyarakatan ini, menjadi pemangkin kepada mahasiswa untuk lebih peka di dalam menghargai alam sekitar, dan menjadikan mereka modal insan yang berkualiti.

Seramai 40 orang mahasiswa dan seorang pegawai pengiring telah turut serta membersihkan kawasan zoo dan membantu memberi makan kepada haiwan-haiwan di sana. Program ini telah bermula seawal 8.00 pagi dan telah pun tamat pada pukul 3.00 petang. Sepanjang di sana, para mahasiswa telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut keperluan tugas yang telah ditetapkan oleh pihak zoo iaitu: (i) membantu petugas zoo memberi makanan kepada haiwan-haiwan di seluruh zoo; dan (ii) membersihkan kawasan zoo termasuk membersihkan sisa buangan haiwan di kandang-kandang. Walaupun aktiviti yang telah dijalankan ini memerlukan kekuatan fizikal dan mental, namun para mahasiswa sangat berpuas hati dengan sumbangan mereka dan berminat untuk menyertai lagi program ini di masa hadapan.

